SULIT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JABATAN PERDAGANGAN

PEPERIKSAAN AKHIR

**SESI II : 2024/2025**

# DPB30073 : BUSINESS LAW

**TARIKH : 15 MEI 2025**
**MASA : 11.30 PAGI - 1.30 PETANG (2 JAM)**

---

Kertas ini mengandungi **LAPAN (8)** halaman bercetak.

Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Akta Kontrak, Akta Perkongsian, dan Akta Jualan Barangan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

**INSTRUCTION:**
This section consists of **FOUR (4)** structured questions. Answer **ALL** questions.

***ARAHAN:***
*Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan struktur. Jawab **SEMUA** soalan*

**QUESTION 1**
***SOALAN 1***

CLO1 (a) (i) State the definition of written law.
*Nyatakan definisi undang-undang bertulis.*

[4 marks]
[*4 markah*]

(ii) Discuss **THREE (3)** comparisons between private law and public law.
*Bincangkan **TIGA (3)** perbezaan di antara undang-undang persendirian dan undang-undang awam.*

[6 marks]
[*6 markah*]

CLO2 (b) (i) The interests and duties of partners in the absence of agreements to the contrary are provided in Section 26 of the Partnership Act 1961. By virtue of this section, explain **THREE (3)** duties of a partner.
*Kepentingan dan tanggungjawab pekongsi-pekongsi yang tidak dinyatakan di dalam perjanjian adalah termaktub sepertimana di dalam Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961. Berdasarkan seksyen ini, jelaskan **TIGA (3)** tanggungjawab pekongsi.*

[6 marks]
[*6 markah*]

(ii) Write the characteristics of sole proprietorship, partnership, and company in respect of number of members, liability, and dissolution.
*Tuliskan ciri-ciri pemilikan tunggal, perkongsian, dan syarikat berkaitan dengan bilangan ahli, tanggungan, dan pembubaran.*

[9 marks]
[*9 markah*]

**QUESTION 2**
***SOALAN 2***

CLO2 (a) Compare the requirement of the element of intention in family agreements and business agreements. Support your answers with relevant case law.
*Bandingkan keperluan elemen niat dalam perjanjian kekeluargaan dan perjanjian perniagaan. Sokong jawapan anda dengan kes yang sesuai.*

[10 marks]
[*10 markah*]

CLO2 (b) Dellyn is an entrepreneur selling hijab called "Dell Hijabista". She only sells her products online. The product photos have been displayed on the catalog website for the potential customer to choose and buy. Communication between Dellyn and her customer is normally via e-mail and social media. One of her customers, Alianna, is staying in a remote area and can only communicate with Dellyn by mailing. On 2$^{nd}$ February 2022, Alianna wrote to Dellyn requesting to purchase a baby-blue Dell Hijabista. Dellyn received the offer letter on 7$^{th}$ February 2022 and mailed back the acceptance on the same day. However, on 4$^{th}$ February, Alianna mailed a letter to cancel the order. The letter of revocation was only received by Dellyn on 10$^{th}$ February 2022. At that moment, Dellyn had already posted to Alianna the hijab as requested. Alianna refused to pay Dellyn the price for the hijab.
*Dellyn adalah seorang pengusaha yang menjalankan perniagaan hijab diberi nama "Dell Hijabista". Dia hanya menjual produknya secara atas*

*talian sahaja. Gambar produk tersebut dipamerkan di dalam katalog laman sesawangnya untuk dipilih oleh pelanggan yang berminat. Komunikasi di antara Dellyn dan pelanggan biasanya dibuat menggunakan e-mel dan media sosial. Salah seorang daripada pelanggannya, Alianna tinggal di kawasan terpencil dan hanya boleh berkomunikasi dengan Dellyn secara pos. Pada 2hb Febuari, 2022, Alianna menghantar surat kepada Dellyn dan memesan untuk membeli sehelai Dell Hijabista berwarna biru lembut. Dellyn menerima surat tawaran itu pada 7hb Febuari, 2022 dan menghantar surat penerimaan pada hari yang sama. Walaubagaimanapun, pada 4hb Febuari, 2022, Alianna telah menghantar surat pembatalan pembeliannya. Surat pembatalan tersebut hanya diterima oleh Dellyn pada 10hb Febuari, 2022. Pada waktu tersebut, Dellyn telahpun membuat pengeposan hijab seperti yang dipesan. Alianna enggan membayar harga hijab tersebut kepada Dellyn.*

(i) Write an issue arises on the situation.
*Tuliskan isu yang timbul daripada situasi di atas.*

[2 marks]
[*2 markah*]

(ii) Provide relevant sections based on the above situation.
*Berikan seksyen yang berkaitan berdasarkan situasi di atas.*

[4 marks]
[4 *markah*]

(iii) Provide **ONE (1)** case to support your answer.
*Berikan **SATU (1)** kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[6 marks]
[*6 markah*]

(iv) Write your conclusion based on the above issue.
*Tulis kesimpulan anda berdasarkan kepada isu di atas.*

[3 marks]
[3 *markah*]

**QUESTION 3**
***SOALAN 3***

CLO2 (a) Give definition of apparent authority and actual authority as regards agents.
*Berikan definisi kuasa zahir dan kuasa nyata berkaitan ejen.*

[4 marks]
[*4 markah*]

CLO2 (b) Explain the **THREE (3)** exceptions of the general principle that an agent cannot delegate the authority given to him by his principal.
*Jelaskan **TIGA (3)** pengecualian kepada prinsip am bahawa seorang ejen tidak boleh mewakilkan kuasa yang ada padanya oleh prinsipalnya.*

[6 marks]
[*6 markah*]

CLO2 (c) Puspasari & Co is a company incorporated in Kelantan. They engaged the services of a carrier, Bz Sengoti Express, to deliver 2000 bottles of fresh strawberry milk to their buyer in Hat Yai. On reaching Rantau Panjang, Bz Sengoti Express was not allowed to cross the border as there is a ban imposed by the Thailand authorities on a dairies products from Malaysia due to the outbreak of foot and mouth disease at that time. Bz Sengoti Express was approached by Mr Senok, who offered to buy all the strawberry milk at half price. Bz Sengoti Express sold the strawberry milk to Mr Senok. Puspasari & Co was unhappy with Bz Sengoti Express's action and plan to bring an action towards Bz Sengoti Express for their losses.

*Puspasari & Co adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Kelantan. Mereka telah melantik perkhidmatan pengangkutan iaitu Bz Sengoti Express untuk menghantar 2000 botol susu segar kepada pembeli di Hat Yai. Apabila sampai di Rantau Panjang, Bz Sengoti Express tidak dibenarkan melintasi sempadan memandangkan terdapat larangan dikenakan oleh pihak berkuasa Thailand terhadap produk tenusu dari Malaysia kerana terdapat penularan penyakit kaki dan mulut ketika itu. Bz Sengoti Express telah didekati oleh Encik Senok yang menawarkan untuk membeli kesemua botol susu itu pada separuh harga. Bz Sengotit Express telah menjual susu tersebut kepada Encik Senok. Puspasari & Co tidak berpuashati dengan tindakan Bz Sengoti Express dan merancang unuk mengambil tindakan terhadap perbuatan Bz Sengotit Express yang mendatangkan kerugian kepada mereka.*

(i) Write an issue arises on the situation.
*Tuliskan isu yang timbul daripada situasi di atas.*

[2 marks]
[2 *markah*]

(ii) Provide relevant section based on the above situation.
*Berikan seksyen yang berkaitan berdasarkan situasi di atas.*

[4 marks]
[4 *markah*]

(iii) Provide **ONE (1)** case to support your answer.
*Nyatakan **SATU (1)** kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[6 marks]
[6 *markah*]

(iv) Write your conclusion based on the above issue.
*Tulis kesimpulan anda berdasarkan kepada isu di atas.*

[3 marks]
[3 *markah*]

**QUESTION 4**
***SOALAN 4***

CLO2 (a) List **FOUR (4)** remedies available to a seller of goods when a buyer is in breach of a sale of goods contract.
*Senaraikan **EMPAT (4)** remedi yang tersedia kepada penjual barangan apabila pembeli melanggar kontrak jualan barang.*

[4 marks]
[*4 markah*]

CLO2 (b) The general rule is that no one can give a better title than he has himself as expressed in the Latin maxim *Nemo Dat Quad Non Habet*. Discuss **THREE (3)** exceptions of this general rule.
*Prinsip am adalah tidak ada sesiapa yang boleh memberikan hak yang lebih baik daripada apa yang dia sendiri miliki sepertimana dinyatakan di dalam maxim Latin Nemo Dat Quad Non Habet. Bincangkan **TIGA (3)** pengecualian kepada prinsip am ini.*

[6 marks]
[*6 markah*]

CLO2 (c) Aimy placed an advertisement in a local newspaper offering a second-hand car at RM30,000. The car was described as the 'Honda late 2000 model'. Renny responded by offering to buy the car at RM27,000. The offer was accepted by Aimy. After driven the car for almost three months, Renny discovered that only the body of the car was of 'Honda late 2000 model' while the engine was from much earlier model. Renny now wishes to rescind the contract.

*Aimy telah mengiklankan di dalam suratkhabar tempatan menawarkan untuk menjual kereta terpakai pada harga RM30,000. Kereta tersebut dinyatakan sebagai "model Honda penghujung 2000". Renny membalas tawaran tersebut dengan harga RM27,000. Tawaran itu diterima oleh Aimy. Selepas memandu kereta tersebut lebih kurang tiga bulan, Renny mendapati hanya badan kereta*

*tersebut adalah "model Honda penghujung 2000" manakala enjinnya pula adalah daripada model yang lebih lama. Renny sekarang berniat untuk membatalkan kontrak tersebut.*

(i) Write an issue arises on the situation.
*Tuliskan isu yang timbul daripada situasi di atas.*

[2 marks]
[*2 markah*]

(ii) Provide relevant sections based on the above situation.
*Berikan seksyen yang berkaitan berdasarkan situasi di atas.*

[4 marks]
[4 *markah*]

(iii) Provide **ONE (1)** case to support your answer.
*Berikan **SATU (1)** kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[6 marks]
[*6 markah*]

(iv) Write your conclusion based on the above issue.
*Tulis kesimpulan anda berdasarkan kepada isu di atas.*

[3 marks]
[3 *markah*]

**SOALAN TAMAT**